

# Mahathir syor ketua2 negara ASEAN adakan pertemuan lebih kerap

DENPASAR 4 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan supaya ketua-ketua negara ASEAN mengadakan pertemuan tidak formal yang lebih kerap untuk membincangkan masalah kerjasama dan persefahaman keamanan dengan segera.

Katanya, adalah kurang bijak untuk membuat kesimpulan bahawa struktur persefahaman, kepercayaan, baik sangka dan penghormatan sesama negara ASEAN sudahpun terbentuk.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, keamanan dan persefahaman sesama anggota ASEAN perlulah menjadi keamanan yang aktif dan bukan sekadar kepercayaan sahaja.

"Soalnya ialah kita saling beranggapan bahawa semua masalah dan kekeliruan telah selesai sedangkan ia tidak. Ketua-ketua negara ASEAN pada masa-masa yang akan datang perlulah memperkukuhkan asas-asas yang diletakkan oleh pengasas ASEAN," katanya ketika berucap di persidangan negara-negara ASEAN dan ekonomi dunia di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya, ini adalah masanya bagi pemimpin-pemimpin ASEAN memikirkan elemen baru iaitu pertemuan tidak formal yang lebih kerap menjelang sidang kemuncak ASEAN di Singapura April ini.

Tegasnya, pertemuan tidak formal yang jauh dari gangguan kamera dan tekanan untuk mela-

---

**Daripada**  
**Rozaid Abdul Rahman**

---

hirkan keputusan-keputusan yang dramatik akan membantu proses ke arah persefahaman yang lebih bermakna.

Jika ini dapat dicapai, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, ASEAN akan mampu menyediakan diri untuk membentuk satu Asia Tenggara yang baru.

"Saya percaya, Asia Tenggara tidak wajar lagi dibentuk oleh enam atau tiga negara sahaja, halangan-halangan yang menghantui kita mestilah disingkirkan dan apa yang sepatutnya berlaku ialah kita harus mampu menjadi Asia Tenggara yang kaya, strategik, dinamik dengan sistem politik yang stabil," ujar Perdana Menteri.

Beliau menambah, ASEAN sekarang perlu bersedia untuk melancarkan fasa kedua pemuafakatan serantau untuk mencapai objektif yang telah diletakkan sejak ia mula dilahirkan.

"Oleh itu ASEAN kini patut membuka dirinya kepada idea baru dan inisiatif yang dikemukakan oleh negara serantau agar dijemput Menteri-Menteri Luar Vietnam, Laos dan Myanmar berdialog dengan ASEAN adalah cadangan-cadangan baru yang perlu diberi perhatian segera," tegasnya.